

# Penyataan Privasi Digi

## 1. Am

- 1.1 Kami menghargai privasi anda dan berusaha untuk melindungi maklumat peribadi anda. Oleh itu, adalah penting bagi kami agar anda memahami cara kami mengumpul dan memproses maklumat peribadi anda.
- 1.2 Penyataan privasi ini menjelaskan berkaitan dengan cara kami memproses maklumat peribadi yang dikumpulkan semasa anda menggunakan perkhidmatan kami, termasuk rangkaian telekomunikasi kami, aplikasi, atau mana-mana laman web kami (secara kolektifnya dirujuk sebagai "Perkhidmatan"). Sila baca penyataan privasi ini bersama dengan Terma Perkhidmatan bagi mana-mana perkhidmatan Digi yang anda gunakan, yang mungkin tertakluk kepada syarat tambahan tertentu ke atas maklumat peribadi anda yang dikumpulkan.
- 1.3 Penyataan privasi ini menjelaskan jenis maklumat peribadi yang dikumpulkan, kenapa dan bagaimana kami mengumpul dan memproses maklumat peribadi berkenaan, dan bagaimana ia dikongsi dengan pihak ketiga. Penyataan ini juga menjelaskan hak privasi anda yang berhubung kait dengan maklumat peribadi dan bagaimana anda boleh menggunakannya.

## 2. Prinsip privasi utama

### 2.1 Dasar Privasi Digi boleh dirumuskan kepada berikut:

1. Kami mengamalkan sikap terbuka tentang bagaimana kami mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi anda.
2. Kami komited untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan relevan kepada anda dengan menggunakan maklumat peribadi yang dikumpul.
3. Kami sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa maklumat peribadi anda selamat dan terjamin.

### 2.2 Digi (dan Kumpulan Telenor, dimana kami merupakan sebahagian daripadanya) percaya bahawa semua pelanggan kami berhak menikmati tahap perlindungan privasi yang sama. Merujuk kepada "pelanggan", ia bukan hanya pelanggan sedia ada, tetapi juga bekas pelanggan, bakal pelanggan dan pelanggan daripada rangkaian lain yang menggunakan khidmat perayauan kami. Digi akan memproses maklumat peribadi anda yang dikumpul selaras dengan prinsip privasi yang berikut:

1. Kami akan memproses maklumat peribadi anda selaras dengan penyataan privasi ini Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, dan semua peraturan, piawaian dan garis panduan yang berkaitan yang ditetapkan dari semasa ke semasa (dirujuk sebagai "undang-undang berkenaan").
2. Kami akan menjelaskan jenis maklumat peribadi anda yang dikumpulkan serta kenapa dan bagaimana maklumat berkenaan dikumpul dan diproses.
3. Kami hanya akan memproses maklumat peribadi anda untuk tujuan yang sah dan selagi ia perlu untuk mencapai tujuan berkenaan melainkan kami dikehendaki oleh undang-undang berkenaan untuk menyimpan maklumat peribadi anda atau mempunyai alasan kukuh untuk berbuat demikian.
4. Anda mempunyai hak untuk memilih dan mengawal pemprosesan maklumat peribadi anda bila mana mungkin, termasuk maklumat peribadi berkaitan individu lain yang mungkin dikenalpasti daripada maklumat peribadi anda, seperti yang ditetapkan dalam penyataan privasi ini.
5. Kami menghormati hak privasi anda di bawah undang-undang berkenaan termasuk hak

anda untuk mengakses, membetul dan mengemaskini maklumat peribadi anda.

6. Kami akan melaksanakan langkah keselamatan yang sesuai untuk memastikan maklumat peribadi anda selamat dan terjamin.
7. Kami akan mengambil langkah untuk memastikan bahawa maklumat peribadi anda dilindungi dengan secukupnya tidak kira di mana maklumat tersebut diproses.
8. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh kami pada masa maklumat peribadi anda diambil, adalah wajib bagi anda untuk mengemukakan maklumat peribadi yang diminta agar anda dapat menggunakan rangkaian kami dan/atau menerima mana-mana perkhidmatan kami.
9. Jika anda gagal untuk berbuat demikian atau sekiranya maklumat peribadi yang diberikan tidak lengkap atau memuaskan, atau sekiranya anda menarik balik persetujuan untuk maklumat peribadi anda diproses, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan dan/atau memberikan perkhidmatan kami seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 6 "Bagaimana kami menggunakan maklumat peribadi anda".

### **3. Siapakah pihak yang bertanggungjawab di sisi undang-undang?**

- 3.1 Digi menentukan tujuan serta cara maklumat peribadi anda diproses, dan oleh itu berfungsi seperti 'pengguna data', seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010. Digi bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk memastikan bahawa maklumat peribadi anda diproses selaras dengan prinsip privasi utama kami, pernyataan privasi ini dan undang-undang yang berkenaan.
- 3.2 Apabila maklumat peribadi anda dikongsi bersama Kumpulan Telenor selaras dengan bahagian Bagaimana kami berkongsi maklumat peribadi anda di bawah, kami akan memastikan bahawa Kumpulan Telenor bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk memastikan maklumat peribadi yang dikongsi dengannya (atau mana-mana ahli Kumpulan Telenor) diproses selaras dengan prinsip privasi penting kami, pernyataan privasi ini dan undang-undang yang berkenaan.

### **4. Bagaimana kami mengumpul maklumat peribadi anda**

- 4.1 Kami mengumpul maklumat peribadi anda melalui tiga cara:
  - (a) maklumat yang anda berikan, contohnya apabila anda melanggan perkhidmatan kami;
  - (b) maklumat yang kami kumpul secara automatik apabila anda menggunakan perkhidmatan kami; dan/atau
  - (c) maklumat yang mungkin diperolehi daripada pihak ketiga.
- 4.2 Jenis maklumat peribadi yang lazimnya dikumpulkan melalui tiga cara ini dijelaskan di bawah.
- 4.3 Untuk beberapa perkhidmatan kami, contohnya yang berkaitan dengan kewangan, muzik atau perkhidmatan persidangan video, maklumat peribadi tambahan mungkin perlu dikumpulkan, mengumpul maklumat peribadi dengan cara lain dan/atau maklumat peribadi dikumpul untuk tujuan khusus untuk perkhidmatan tersebut. Dalam kes sedemikian, Terma Perkhidmatan kami ada menjelaskan aktiviti pemprosesan maklumat peribadi yang khusus kepada perkhidmatan tersebut.

### **Maklumat yang anda berikan**

- 4.4 Apabila anda mendaftar atau melanggan perkhidmatan kami, anda mungkin memberikan maklumat peribadi yang tertentu. Jenis maklumat mungkin termasuk:
  - (a) Nama, nombor telefon, alamat emel, alamat peribadi, tarikh lahir, jantina dan maklumat lain yang anda berikan apabila mendaftar untuk melanggan perkhidmatan kami sama ada di kedai kami, atas talian atau melalui telefon.

- (b) Maklumat kad kredit atau debit, nombor akaun bank dan kod Swift atau maklumat bank atau pembayaran lain, serta jumlah, tarikh dan masa mana-mana pembayaran yang dibuat.
- (c) Pilihan peribadi anda mengenai perkhidmatan kami. Ini biasanya dikumpulkan melalui tetapan perkhidmatan yang dilakukan apabila kami menyediakan perkhidmatan pada permulaannya.
- (d) Maklumat mengenai akaun pelanggan anda, contohnya jenis kontrak anda, perkhidmatan yang dilanggan, dan tarikh pembayaran yang terhutang dan diterima.
- (e) Rekod berkaitan kontrak anda, contohnya notis pelanggan atau rakaman panggilan yang dibuat oleh anda kepada pusat bantuan kami, emel atau surat yang anda hantar kepada kami, maklumat mengenai sebarang sokongan pelanggan yang diminta atau maklum balas yang anda beri kepada kami.
- (f) Maklumat mengenai komunikasi anda kepada kami bersama anda, contohnya sebarang permintaan sokongan pelanggan atau maklum balas yang anda beri kepada kami.
- (g) Maklumat perhubungan yang anda sediakan untuk menerima bahan pemasaran dan promosi, berita dan maklumat terkini daripada kami.
- (h) Maklumat perhubungan atau maklumat lain, seperti maklumat demografik mengenai anda atau isi rumah anda, yang anda berikan apabila anda bersetuju untuk menyertai pertandingan, cabutan hadiah, kaji selidik atau panel pelanggan atau memberi maklum balas mengenai produk atau perkhidmatan kami.
- (i) Beberapa perkhidmatan yang disediakan melalui laman web kami memerlukan anda mempunyai akaun atas talian dengan kami. Sekiranya anda hendak mendaftar sebuah akaun, anda dikehendaki menyediakan maklumat peribadi tertentu, seperti nama, nombor telefon dan alamat emel, dan mencipta kata laluan unik untuk akaun anda. Secara amnya, perkhidmatan ini membolehkan anda menjadi pemilik berdaftar sebuah akaun atas talian, dan/atau individu yang bertanggungjawab untuk membuat pembayaran untuk perkhidmatan bagi seorang atau lebih pengguna. Jika anda memilih untuk membenarkan pengguna lain seperti ahli keluarga anda menggunakan akaun anda, mereka perlu membaca pernyataan privasi ini.

#### **Maklumat yang kami kumpul secara automatik**

- 4.5 Apabila anda menggunakan mana-mana perkhidmatan kami, maklumat tertentu mengenai anda dan peranti anda akan dikumpul secara automatik. Maklumat yang dikumpul secara automatik bergantung kepada perkhidmatan yang kami sediakan untuk anda dan jenis peranti yang anda gunakan untuk mengakses dan/atau mengguna perkhidmatan kami.
- 4.6 Kami akan mengumpul maklumat mengenai jenis peranti dan perisian yang digunakan untuk mengakses perkhidmatan kami, contohnya sekiranya anda menggunakan telefon iPhone atau Samsung, dan jenis sistem operasi yang digunakan dalam peranti anda.
- 4.7 Apabila anda menggunakan perkhidmatan telekomunikasi kami, maklumat mengenai komunikasi anda akan dikumpul secara automatik termasuk:
  - (a) nombor telefon yang anda panggil/SMS atau yang panggil/SMS anda;
  - (b) tarikh dan masa panggilan dan SMS yang anda hantar atau terima;
  - (c) tempoh panggilan yang diterima atau dibuat melalui rangkaian kami;
  - (d) lokasi anggaran anda pada waktu komunikasi berkenaan berlaku, seperti yang dihuraikan dengan lebih lanjut di bahagian data lokasi di bawah;

- (e) maklumat pelayaran anda, seperti yang dihuraikan dengan lebih lanjut di bahagian cookies di bawah; dan
  - (f) tahap perkhidmatan yang anda terima daripada kami.
- 4.8 Apabila anda melayari salah satu daripada laman web kami dan/atau menggunakan salah satu daripada perkhidmatan atas talian kami, maklumat mengenai peralatan terminal atau peranti anda serta penggunaan perkhidmatan atas talian kami akan dikumpul. Maklumat ini biasanya merangkumi:
- (a) alamat IP peralatan terminal atau peranti anda, seperti PC, komputer riba atau telefon pintar anda;
  - (b) maklumat mengenai model dan tetapan peralatan terminal atau peranti anda;
  - (c) maklumat rangkaian; dan
  - (d) butiran tentang bila, di mana dan bagaimana anda menggunakan perkhidmatan berkenaan.
- 4.9 Apabila anda melayari salah satu daripada laman web kami dan/atau menggunakan salah satu daripada perkhidmatan atas talian kami, maklumat berikut juga mungkin dikumpul:
- (a) maklumat log masuk;
  - (b) jenis dan versi pelayar;
  - (c) jenis dan versi plag masuk pelayar;
  - (d) sistem dan platform operasi;
  - (e) maklumat apabila anda melawat laman web kami termasuk dari laman web mana anda memasuki laman web kami, halaman web kami yang anda layari, dan ke laman web mana anda layari dari laman web kami;
  - (f) maklumat mengenai perkhidmatan dan produk yang anda lihat atau cari di laman web kami;
  - (g) ralat muat turun; dan
  - (h) tempoh lawatan ke halaman tertentu dan bagaimana anda berinteraksi dengan halaman tersebut.
- 4.10 Maklumat yang dikumpul secara automatik apabila anda menggunakan laman web dan/atau perkhidmatan atas talian kami akan dikumpul melalui *cookies* dan teknologi lain seumpamanya. Klik di sini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai teknologi ini dan kenapa dan bagaimana kami menggunakan teknologi berkenaan.
- 4.11 Kami mengumpul maklumat apabila perkhidmatan digital kami dipaut kepada perkhidmatan pihak ketiga, contohnya apabila anda telah meminta perkhidmatan kami disepadukan dengan perkhidmatan pihak ketiga seperti rangkaian sosial seperti Facebook, Instagram atau Twitter atau perkhidmatan VoIP seperti Skype dan Viber. Maklumat ini biasanya merangkumi:
- (a) maklumat am yang tertentu seperti maklumat yang dihuraikan di atas (contohnya termasuk maklumat yang anda sediakan apabila mendaftar untuk perkhidmatan kami, maklumat yang dikumpul secara automatik apabila anda menggunakan perkhidmatan kami (contohnya termasuk alamat IP dan maklumat mengenai peranti anda), maklumat lokasi yang dikumpul apabila anda menggunakan perkhidmatan berdasarkan lokasi, dan maklumat lain yang anda sediakan atau yang kami kumpul atas persetujuan anda atau yang dibenarkan oleh undang-undang berkenaan); dan

- (b) maklumat perkhidmatan tertentu, seperti maklumat yang perlu untuk membolehkan butiran log masuk Digi atau Telenor anda dipaut kepada butiran log masuk pihak ketiga dalam keadaan di mana anda tidak boleh dikenal pasti secara peribadi, untuk membolehkan perkhidmatan digital kami dipaut kepada perkhidmatan pihak ketiga.

#### **Maklumat yang dikumpul dari sumber lain**

- 4.12 Kadang-kala kami mengumpul maklumat peribadi anda daripada pihak ketiga, berhubung dengan perkhidmatan yang kami sediakan kepada anda.
- 4.13 Sebagai contoh apabila anda membeli produk atau mendaftar untuk perkhidmatan kami, kami boleh memperoleh maklumat kredit anda daripada agensi pelaporan kredit luar untuk membantu kami membuat keputusan pengesahan pelanggan dan yang berkaitan dengan kredit. Kami juga bekerjasama dengan pihak ketiga (termasuk, contohnya, rakan niaga, subkontraktor, perkhidmatan pembayaran dan penghantaran, rangkaian pengiklanan, penyedia analitik, penyedia maklumat pencarian, agensi rujukan kredit) dan mungkin menerima maklumat mengenai anda daripada mereka.
- 4.14 Apabila anda menggunakan butiran media sosial anda untuk log masuk atau berinteraksi dengan sebarang laman web Digi atau Telenor atau tawaran Telenor, kami mungkin mengumpul maklumat mengenai profil media sosial anda seperti minat, “likes” dan senarai kawan-kawan anda. Anda boleh mengawal pengumpulan data ini melalui pilihan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan media sosial anda melalui akaun media sosial anda.
- 4.15 Kami mungkin menggabungkan maklumat peribadi anda yang kami terima daripada sumber lain dengan maklumat peribadi yang anda sediakan dan maklumat anda yang dikumpul secara automatik.

#### **5. Bagaimana kami mengumpul data lokasi**

Kami mengumpul maklumat lokasi anda:

- 5.1 Apabila anda menggunakan perkhidmatan telekomunikasi kami. Sebagai contoh, kami mengumpul pengenalan *telefon* bimbit anda (“*Cell ID*”) yang merupakan maklumat lokasi peranti anda dalam rangkaian kami yang mendedahkan anggaran lokasi geografi anda. Kami perlu tahu lokasi anggaran anda agar kami dapat menyediakan perkhidmatan telekomunikasi mudah alih.
- 5.2 Kami mungkin mengumpul maklumat lokasi anda apabila anda menggunakan perkhidmatan berdasarkan lokasi atau menerima tawaran berdasarkan lokasi. Bergantung kepada perkhidmatan berdasarkan lokasi atau tawaran yang anda gunakan dan posisi anda dalam rangkaian kami, kami mungkin menggunakan pengenalan telefon bimbit dan/atau data lokasi yang dijana oleh Sistem Kedudukan Global ('GPS'). Data GPS mendedahkan lebih banyak maklumat tepat mengenai lokasi geografi peranti anda. Untuk tujuan ini, kami juga mungkin menggunakan teknik geo-pagar untuk menentukan bila peranti anda memasuki suatu kawasan geografi tertentu.

#### **6. Bagaimana kami menggunakan maklumat peribadi anda**

- 6.1 Kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk menyediakan perkhidmatan, menyokong dan memperbaiki perkhidmatan kami, menyediakan perkhidmatan yang lebih peribadi dan relevan kepada anda dan para pelanggan kami dan menghantar maklumat mengenai perkhidmatan yang kami sediakan untuk anda. Untuk tujuan ini, jika anda gagal untuk mengemukakan maklumat peribadi yang sepatutnya atau sekiranya maklumat peribadi yang diberikan tidak lengkap atau memuaskan, atau sekiranya anda menarik balik persetujuan untuk maklumat peribadi anda diproses, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda dan/atau menyediakan perkhidmatan kami.
- 6.2 Kami juga mungkin memproses maklumat peribadi anda untuk menghubungi anda dari masa ke semasa dengan berita dan tawaran yang mungkin menarik bagi anda, seperti yang diuraikan dengan lebih lanjut di bahagian Bagaimana kami menggunakan maklumat peribadi anda untuk

tujuan pemasaran seperti di bawah.

6.3 Kami juga menggunakan maklumat peribadi anda untuk:

- (a) Menjaga hubungan dengan anda sebagai pelanggan dengan kami, mengendali dan memenuhi langganan anda, menghantar penyata bil, invois cukai dan dokumen pembayaran yang berkaitan dengan transaksi dengan atau melalui kami, dan memungut bayaran untuk perkhidmatan kami.
- (b) Berkomunikasi dengan anda mengenai perkhidmatan yang kami sediakan untuk anda, menghantar notis berkaitan pembelian serta ralat dalam perkhidmatan, dan membalas pertanyaan serta maklum balas anda.
- (c) Melaraskan perkhidmatan berdasarkan umur anda, termasuk melaksanakan kawalan ibu bapa.
- (d) Menyediakan gambaran menyeluruh mengenai perkhidmatan dan bahagian perkhidmatan yang anda telah atau sedang menggunakan, memaklumkan anda mengenai perubahan kepada perkhidmatan dan Terma Perkhidmatan kami, mengingatkan anda tentang faedah yang anda boleh nikmati sebagai sebahagian daripada perkhidmatan kami dan menasihati anda tentang cara menggunakan perkhidmatan kami untuk memastikan anda memperoleh nilai yang terbaik daripada perkhidmatan berkenaan.
- (e) Menjadikan perkhidmatan dan komunikasi kami lebih relevan kepada anda, termasuk membentuk profil pelanggan, menawarkan kandungan yang diperibadikan dan memberi cadangan yang relevan kepada anda.
- (f) Memantau dan merekod komunikasi dengan anda dan menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan latihan, jaminan kualiti, merekod butiran berkaitan produk dan perkhidmatan yang anda langgan daripada kami atau berbincang dengan anda tentang perkhidmatan yang anda terima.
- (g) Mengendalikan perkhidmatan kami untuk operasi dalaman, termasuk menyelesaikan masalah, pengurusan rangkaian dan mengoptimumkan rangkaian, supaya dapat menyediakan pengalaman pelanggan yang lebih baik untuk anda dan pelanggan lain.
- (h) Memastikan bahawa kandungan dari laman web kami dibentangkan dengan kaedah yang paling efektif untuk anda dan peranti supaya anda boleh menikmati dengan sepenuhnya perkhidmatan langganan.
- (i) Mempromosi produk, perkhidmatan, atau tawaran istimewa kami atau pihak ketiga yang dipilih, yang dirasakan mungkin menarik untuk anda, dan memberikan pengiklanan tertumpu kepada produk, perkhidmatan atau tawaran istimewa tersebut.
- (j) Menilai dan memahami keberkesanan pengiklanan kepada anda dan orang lain, dan menyediakan pengiklanan yang relevan kepada anda.
- (k) Memberi cadangan mengenai produk atau perkhidmatan kepada anda dan pengguna lain yang mungkin menarik minat anda atau mereka.
- (l) Melindungi dan menjamin keselamatan perkhidmatan dan rangkaian kami untuk memastikan keselamatan anda dan pekerja kami.
- (m) Menyiasat, mencegah atau mengambil tindakan mengenai aktiviti yang menyalahi undang-undang dan melanggar Terma Perkhidmatan kami dan/atau undang-undang berkenaan, termasuk menyelenggara pangkalan data aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- (n) Menepati kewajiban undang-undang dan peraturan kami.

- (o) Mengadakan statistik agregat mengenai jualan, perkhidmatan, pelanggan, trafik rangkaian dan corak lokasi, yang mungkin diberikan kepada pihak ketiga. Statistik agregat sebegini tidak termasuk maklumat di mana anda boleh dikenalpasti secara peribadi melalui kaedah yang mungkin munasabah digunakan oleh kami atau orang lain.
- (p) Mengkaji, memantau dan menganalisis penggunaan rangkaian dan perkhidmatan kami oleh pelanggan tanpa dikenali, untuk mengenalpasti trend umum, mengadakan kajian pasaran, analisa pemasaran dalaman, segmentasi pelanggan dan meningkatkan pemahaman kami mengenai corak, kelakuan dan pilihan pelanggan, agar kami lebih memahami anda dan mengadakan produk dan perkhidmatan yang sesuai untuk anda dan bekerjasama dengan pihak ketiga untuk membangunkan produk dan perkhidmatan baru untuk pelanggan kami dan memperibadikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada anda.
- (q) Menjalankan pemeriksaan kredit untuk menilai permohonan anda untuk kontrak perkhidmatan telekomunikasi.
- (r) Menghantar pengumuman perkhidmatan awam bagi pihak kami atau bagi pihak badan-badan berkanun.
- (s) Memenuhi apa-apa maksud lain yang berkaitan atau bersampingan untuk mengendali, menyelenggara dan menguruskan perkhidmatan dan juga hubungan perniagaan kami dengan anda dengan lebih baik.

6.4 Dalam kebanyakan kes kami mengagregat dan/atau memastikan anda tidak boleh dikenalpasti dengan maklumat peribadi anda. Data agregat dan/atau tanpa nama diproses sebegini untuk pelbagai tujuan, termasuk kajian untuk membantu memahami pelanggan dan bagaimana mereka menggunakan perkhidmatan supaya perkhidmatan dapat diperbaiki untuk menyediakan pengalaman pelanggan yang lebih baik atau mencipta perkhidmatan baru.

## **7. Bagaimana kami berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi anda**

7.1 Kami mungkin berkongsi maklumat peribadi anda dengan Kumpulan Telenor yang diproses untuk tujuan yang disenaraikan di bahagian Bagaimana kami menggunakan maklumat peribadi anda di atas. Dalam memproses maklumat peribadi ini bagi pihak kami, mereka akan sentiasa memproses maklumat tersebut selaras dengan pernyataan privasi ini dan undang-undang berkenaan.

7.2 Kami menggunakan rakan sekerja dan penyedia perkhidmatan untuk pelbagai tujuan perniagaan seperti membantu kami menawarkan, menyediakan, membilkan, membaiki dan menambah baik perkhidmatan kami dan/atau perkhidmatan pihak ketiga yang anda gunakan. Dalam kes sebegini, mungkin perlu untuk berkongsi maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga untuk tujuan tersebut. Kami biasanya berkongsi maklumat peribadi anda dengan pihak ketiga apabila:

- (a) Adalah perlu untuk melibatkan rakan kongsi, ejen atau penyedia perkhidmatan lain (termasuk penyedia perkhidmatan telekomunikasi lain, sebagai contoh apabila anda memilih untuk menggunakan khidmat perayauan daripada rangkaian tempatan atau asing) untuk memudahkan atau memperluaskan perkhidmatan kami supaya kami dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik untuk anda.
- (b) Kami bekerja dengan penyedia perkhidmatan atau pemproses data lain yang memproses maklumat peribadi anda bagi pihak kami dan atas arahan kami. Dalam kes sebegini, kami akan mengambil langkah untuk memastikan bahawa maklumat peribadi anda tetap dilindungi dan pihak-pihak ketiga yang bekerja bersama kami dan memproses maklumat tersebut selaras dengan arahan kami serta tidak akan menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan peribadi mereka.
- (c) Kami berkongsi maklumat dengan pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan (seperti rangkaian sosial atau perkhidmatan VoIP) yang anda telah pilih untuk berpaut dengan perkhidmatan kami. Hanya maklumat yang diperlukan untuk membolehkan anda menggunakan perkhidmatan itu akan dikongsi.

- (d) Anda meminta kami berkongsi maklumat peribadi anda dengan pihak ketiga selaras dengan pernyataan privasi kami.
- (e) Anda telah memberi kebenaran untuk berkongsi maklumat peribadi anda.
- (f) Apabila kami dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang untuk berkongsi maklumat peribadi anda, sebagai contoh untuk melindungi anda, kami atau orang lain daripada bahaya atau kerugian, atau apabila kami dikehendaki oleh waran, perintah mahkamah atau kehendak undang-undang lain untuk mendedahkan maklumat peribadi anda kepada agensi-agensi penguatkuasa undang-undang, mahkamah atau pihak berkuasa awam yang lain.
- (g) Jika kami mengambil keputusan untuk menjual, membeli, menggabung atau menyusun semula perniagaan kami, kami mungkin berkongsi maklumat peribadi anda dengan prospek pembeli, penjual atau rakan kongsi dan penasihat mereka.

7.3 Apabila kami berkongsi maklumat peribadi anda, kami akan mengambil langkah untuk memastikan bahawa penerima maklumat anda akan melindungi privasi anda, memastikan keselamatan maklumat peribadi anda terjamin dan memproses maklumat tersebut selaras dengan undang-undang berkenaan. Langkah-langkah sebegini mungkin termasuk membuat kontrak yang sesuai dengan pihak ketiga, yang menetapkan jaminan yang sewajarnya berkaitan dengan langkah-langkah teknikal dan keselamatan organisasi yang mengawal pemrosesan maklumat peribadi anda, dan memastikan pihak ketiga mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mematuhi langkah-langkah tersebut.

7.4 Kami tidak akan menjual maklumat peribadi anda yang diproses kepada pihak ketiga tanpa kebenaran anda.

## **8. Bagaimana kami menggunakan maklumat anda untuk tujuan pemasaran**

8.1 Kami ingin menambah nilai yang anda peroleh sebagai pelanggan Digi serta menyediakan maklumat yang lebih relevan tentang produk dan perkhidmatan kami begitu juga produk dan perkhidmatan pihak ketiga pilihan kami. Kecuali apabila anda tidak memilih untuk menerima maklumat pemasaran daripada kami dan/atau pihak ketiga pilihan kami (seperti yang dinyatakan pada 8.2) kami dan pihak ketiga tertentu mungkin menggunakan maklumat peribadi anda untuk menghantar maklumat pemasaran berkaitan produk dan perkhidmatan berdasarkan pilihan dan minat anda.

8.2 Anda boleh mengawal bagaimana kami menggunakan maklumat untuk tujuan pemasaran. Jika anda tidak berhasrat untuk menerima atau terus menerima maklumat pemasaran daripada kami atau pihak ketiga yang terpilih kami, anda boleh berbuat demikian, dengan memberi notis pada bila-bila masa, dengan menghubungi Pusat Panggilan di 016-221 1800.

8.3 Sila maklum jika anda memilih untuk tidak menerima sebarang maklumat pemasaran daripada Digi, anda akan hanya menerima komunikasi berkaitan perkhidmatan yang kami sediakan untuk anda.

## **9. Bagaimana kami menggunakan *cookies* dan teknologi serupa**

9.1 Kami mengumpul maklumat secara automatik melalui penggunaan *cookies*, isyarat web (juga dikenali sebagai gif jelas atau tag piksel), Alat Analisis Rangkaian Digital dan teknologi serupa yang lain.

### *Cookies*

9.2 *Cookie* merupakan fail teks yang mengandungi jumlah maklumat yang kecil yang dihantar kepada pelayar anda oleh sebuah laman web, yang boleh disimpan di dalam komputer anda sebagai tag tanpa nama yang boleh mengenalpasti di mana komputer anda tetapi bukan anda secara peribadi.

9.3 Laman-laman web kami menggunakan *cookies* untuk mengumpul maklumat berkaitan corak penggunaan dan minat anda supaya kami dapat memaparkan iklan atas talian yang relevan kepada minat anda apabila anda mengunjungi semula laman web kami. Tetap pelayar boleh



dibuat untuk memaklumkan anda sebelum menerima *cookie* supaya anda boleh memilih untuk menerimanya. Anda juga boleh membuat tetapan pelayar untuk mematikan *cookies*; tetapi, sekiranya fungsi ini dimatikan, beberapa laman web kami mungkin tidak akan berfungsi dengan betul. Kami juga menggunakan *cookies* dan teknologi serupa untuk tujuan analitik dan pengiklanan.

- 9.4 Untuk kebanyakan jenis *cookies*, termasuk yang kami gunakan untuk tujuan pengiklanan, anda mempunyai hak untuk memaklumkan kepada kami sekiranya anda tidak mahu kami menggunakannya semasa melayari laman web kami. Kami akan berhenti menggunakan *cookies* sekiranya anda mematikan *cookies* yang kami gunakan untuk tujuan pemasaran tetapi sila maklum bahawa ini tidak bermaksud yang anda tidak akan melihat sebarang iklan apabila anda melawat laman web kami, sebaliknya iklan yang anda lihat tidak akan diperibadikan mengikut kegemaran anda.
- 9.5 Untuk maklumat lanjut berkaitan penggunaan *cookies* kami dan bagaimana anda boleh mematikan fungsi ini, sila baca [Penyataan Cookies](#) kami. Sekiranya anda ingin ketahui lebih lanjut mengenai *cookies*, sila layari [www.aboutcookies.org](http://www.aboutcookies.org).

#### *Tag Piksel*

- 9.6 Tag piksel, yang juga dikenali sebagai gif jelas atau isyarat web, merupakan tag yang tidak boleh dilihat yang mungkin ditempatkan di beberapa halaman tertentu di laman web kami. Apabila anda melawat halaman ini, tag piksel akan menjana penyataan generik mengenai lawatan tersebut. Biasanya, ia bekerja bersama *cookies* dan merekod apabila sebuah computer melawat sesuatu halaman. Sekiranya anda mematikan *cookies*, tag piksel akan hanya mengesan suatu lawatan web tanpa nama.
- 9.7 'Piksel pintar' merupakan fail grafik kecil yang mengandungi pengenalan unik yang tersimpan dalam suatu e-mel. Kami mungkin menggunakan piksel pintar dalam kempen emel atau buletin kami. Ia membolehkan kami untuk mengetahui sama ada emel tersebut telah dibuka dan untuk merekod maklumat tertentu mengenai aktiviti penerima. Pengguna yang telah membuat tetapan supaya perisian emel mereka tidak memuat turun imej dalam emel secara automatik tidak akan menerima piksel pintar kami melainkan jika mereka membuat pilihan aktif untuk memuat turun imej dalam emel tersebut (dan kebanyakan perisian emel mempunyai tetapan asal di mana imej tidak dimuat turun secara automatik).

#### Alat Analisis Rangkaian Digital

- 9.8 Kami mungkin menggunakan alat analisis rangkaian digital untuk memproses dan menganalisis ciri-ciri umum yang berkaitan dengan penggunaan laman web, produk dan/atau perkhidmatan kami. Kami mungkin menghasilkan atau mengekalkan profil pelanggan kami yang menggunakan sumber data dalaman termasuk maklumat peribadi yang anda berikan kepada kami, atau maklumat peribadi yang diperolehi daripada pihak ketiga yang berkaitan atau yang bekerjasama dengan kami. Kami mungkin menggunakan maklumat ini untuk pelbagai sebab, termasuk untuk menyediakan anda dengan perkhidmatan sokongan rangkaian dan perkhidmatan sokongan pelanggan yang lebih baik, serta juga untuk memberikan kempen pemasaran atau kandungan yang disasarkan atau sesuai untuk anda.

#### **10. Berapa lama kami menyimpan maklumat peribadi anda**

- 10.1 Kami tidak akan menyimpan maklumat peribadi anda melebihi tempoh yang diperlukan untuk tujuan kami mengumpul dan memproses maklumat tersebut kecuali jika dikehendaki undang-undang atau mempunyai alasan kukuh untuk berbuat demikian.

#### **11. Bagaimana kami melindungi maklumat peribadi anda**

- 11.1 Tugas pegawai privasi yang dilantik oleh kami adalah untuk memastikan bahawa pemprosesan maklumat peribadi anda mematuhi penyataan privasi ini dan undang-undang berkenaan.
- 11.2 Kami telah mengambil langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang sesuai untuk melindungi maklumat peribadi anda daripada diakses, dikumpul, diguna, didedah, disalin, diubah suai atau dibuang. Pasukan pakar keselamatan kami kerap menilai langkah-langkah

keselamatan ini, untuk memastikan kami mematuhi undang-undang yang berkenaan (termasuk mana-mana piawaian keselamatan atau garis panduan yang mungkin dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perlindungan Akta Peribadi dari masa ke semasa).

11.3 Apabila kami menggunakan penyedia perkhidmatan atau syarikat pemprosesan lain untuk memproses maklumat peribadi bagi pihak kami, mereka dikehendaki mengikuti arahan kami dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang sewajarnya untuk melindungi maklumat peribadi yang diproses bagi pihak kami, yang mungkin meliputi perkara berikut:

- (a) Mendapatkan aku janji pemprosesan data yang tidak sepatutnya didedahkan sama ada oleh individu itu sendiri atau oleh pekerjaannya kepada mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran kami.
- (b) Mendapatkan aku janji pemprosesan data untuk melaksanakan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi, seperti yang dipersetujui oleh kami, serta kewajiban untuk memaklumkan kepada kami sekiranya mana-mana langkah tersebut tidak dipatuhi.
- (c) Mendapatkan aku janji pemprosesan data untuk mengendalinya sendiri melalui apa-apa cara agar tidak menyebabkan sebarang pelanggaran undang-undang yang berkenaan.
- (d) Memerlukan pemroses data untuk mengembalikan semua maklumat peribadi apabila tamat tempoh atau penamatan perjanjian.
- (e) Menjalankan audit ke atas langkah-langkah teknikal dan organisasi yang dilakukan oleh pemroses data, apabila perlu.

11.4 Apabila anda melog masuk ke akaun anda dengan nombor telefon atau nama pengguna atau kata laluan untuk menggunakan perkhidmatan kami, semua data akan dienkrapsikan dengan menggunakan protokol kriptografik yang telah direka untuk menyediakan keselamatan komunikasi seperti enkripsi "*Transport Layer Security*" (TLS) dan "*Secure Socket Layer*" (SSL). Protokol kriptografik ini digunakan di semua halaman laman web kami yang mengumpul maklumat peribadi. Untuk membuat pembelian daripada laman-laman web ini, anda mesti menggunakan pelayar yang membolehkan TLS or SSL seperti Internet Explorer, Safari, Firefox, atau Chrome. Ini memastikan bahawa maklumat peribadi anda kekal sulit dan dilindungi semasa ia dihantar melalui Internet.

11.5 Sekiranya anda mempunyai nama pengguna atau kata laluan untuk mengakses perkhidmatan kami, adalah tanggungjawab anda untuk memastikan maklumat tersebut disimpan dengan selamat dan sulit. Sekiranya anda telah log masuk tetapi tidak aktif untuk tempoh yang lama, akaun anda akan dilog keluar secara automatik untuk memastikan butiran anda terjamin dan dilindungi daripada akses yang tidak dibenarkan.

## **12. Eksport data**

12.1 Laman Internet merupakan persekitaran global. Kami menggunakan pelbagai rakan kerja dan penyedia perkhidmatan tempatan dan antarabangsa untuk menyediakan perkhidmatan tertentu seperti perkhidmatan digital dan infrastruktur teknikal (seperti *server*) yang mungkin ditempatkan di luar Malaysia.

12.2 Ini bermaksud bahawa kami mungkin memindah maklumat peribadi anda ke negara luar untuk pemprosesan Data Peribadi. Negara-negara sebegini mungkin tidak menyediakan tahap perlindungan yang sama seperti Malaysia, jadi apabila kami memproses maklumat peribadi di tahap antarabangsa, kami akan mengambil langkah yang sesuai untuk memastikan bahawa maklumat peribadi anda dilindungi dengan sewajarnya. Biasanya, langkah-langkah sebegini termasuk melaksanakan penilaian keselamatan data terhadap sebarang penerima dan membuat kontrak dengan penerima sebegini, yang memerlukan penerima untuk memastikan maklumat peribadi di negara tersebut tidak akan diproses dalam cara yang, jika negara tersebut adalah Malaysia, akan bertentangan dengan undang-undang perlindungan data yang berkenaan di

Malaysia.

### **13. Hak anda**

13.1 Anda mempunyai hak tertentu terhadap maklumat peribadi anda yang dipegang oleh kami. Kami telah mengambil langkah-langkah dan proses yang membolehkan anda menggunakan hak anda untuk memastikan agar kami memenuhi permintaan anda berkaitan maklumat peribadi anda yang dipegang oleh kami.

Anda boleh mengakses maklumat peribadi anda yang dipegang oleh kami seperti yang ditetapkan oleh undang-undang berkenaan. Sekiranya anda ingin mengakses maklumat peribadi anda yang dipegang oleh kami dengan memperoleh salinan, sila hubungi kami di Pusat Panggilan kami di 016-221 1800 atau secara bertulis ke Privasi di Perkhidmatan Pelanggan, Digi Telecommunications Sdn Bhd, Lot 10, Jalan Delima 1/1, Subang Hi-Tech Industrial Park, 40000 Subang Jaya, Selangor.

13.2 Sebelum kami memenuhi permintaan anda, anda mungkin dikehendaki membuktikan identiti anda dan menyediakan butiran lanjut mengenai permintaan anda. Kami akan memberi maklum balas kepada permintaan anda dalam tempoh yang wajar dan, dalam apa jua keadaan, dalam tempoh yang dikehendaki dan tertakluk kepada mana-mana bayaran yang dikenakan oleh undang-undang berkenaan.

13.3 Anda juga boleh mengakses kebanyakan daripada maklumat peribadi yang anda sediakan melalui akaun atas talian anda pada bila-bila masa, untuk memperoleh salinan dan untuk membetulkan, meminda, atau memadam maklumat yang tidak tepat. Anda juga boleh menutup akaun anda.

13.4 Kami akan cuba dengan sedaya upaya untuk memastikan bahawa maklumat peribadi anda yang dipegang oleh kami adalah betul, lengkap dan tepat. Walau bagaimanapun, adalah tanggungjawab anda untuk memastikan bahawa maklumat yang diberikan adalah benar, tepat dan lengkap, dan maklumat anda dalam akaun atas talian senantiasa dikemaskini.

### **14. Maklumat mengenai kanak-kanak**

14.1 Sebagai peraturan am, perkhidmatan kami tidak disasarkan kepada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, kami biasanya tidak mengumpul maklumat peribadi mengenai mereka dengan sengaja. Jika kami menyedari bahawa kami telah mengumpul maklumat kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah, kami akan mengambil langkah untuk memadam maklumat tersebut secepat mungkin, kecuali jika dikehendaki undang-undang untuk menyimpan maklumat tersebut.

14.2 Walau bagaimanapun, mungkin terdapat beberapa perkhidmatan direka untuk penggunaan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Kami akan memaklumkan kepada mengenai perkara ini termasuk di dalam Terma Perkhidmatan bagaimana kami melindungi data berkenaan dan akan terus memastikan setiap perkhidmatan itu mematuhi prinsip kami.

### **15. Pautan kepada laman web dan perkhidmatan lain**

15.1 Laman web kami mungkin mengandungi pautan kepada laman web pihak ketiga, dan beberapa perkhidmatan digital kami ada menyediakan akses kepada perkhidmatan pihak ketiga (seperti rangkaian media sosial atau perkhidmatan VoIP).

15.2 Kami tidak mempunyai kawalan atas pemprosesan maklumat peribadi anda oleh laman web dan perkhidmatan pihak ketiga. Kami tidak menilai laman web dan perkhidmatan pihak ketiga, dan kami tidak bertanggungjawab ke atas laman web dan perkhidmatan pihak ketiga atau amalan privasi mereka. Sila baca polisi privasi sebarang laman web atau perkhidmatan pihak ketiga yang diakses daripada laman web atau perkhidmatan kami.

### **16. Perubahan kepada pernyataan privasi ini**

16.1 Pernyataan privasi ini telah dikemaskini pada 8 Ogos 2016. Kami mungkin mengemaskini pernyataan privasi ini dari masa ke semasa dan kami akan memaparkan pengumuman yang mudah dilihat pada laman web kami untuk tempoh 30 hari. Selepas tempoh ini, jika anda terus menggunakan perkhidmatan kami, anda mengesahkan penerimaan berterusan anda atas pernyataan privasi ini.

- 16.2 Apabila kami membuat perubahan penting kepada pernyataan privasi kami, kami juga akan menghantar emel atau SMS untuk memaklumkan anda bahawa pernyataan privasi kami telah dikemaskini.
- 16.3 Sekiranya kami membuat perubahan penting kepada pernyataan privasi dan anda tidak mahu menerima perubahan ini, anda mempunyai tempoh 30 hari di mana anda boleh menamatkan perkhidmatan tersebut yang tertakluk bahawa semua bayaran tertunggak perlu diselesaikan dan perlu dibayar mengikut Terma dan Syarat Pelanggan dan/atau terma dan syarat lain mungkin dikenakan oleh Digi ke atas anda dari semasa ke semasa bagi untuk tujuan penyediaan perkhidmatan. Selepas tempoh 30 hari, jika anda tidak menamatkan perkhidmatan anda, anda mengesahkan penerimaan berterusan anda atas pernyataan privasi ini.

**17. Pertanyaan berkaitan pernyataan privasi ini**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, kebimbangan atau aduan berkaitan pernyataan privasi ini atau bagaimana kami mengendalikan maklumat anda, anda boleh menghubungi kami di [hello@digi-x.my](mailto:hello@digi-x.my) atau menulis surat kepada Privasi di Perkhidmatan Pelanggan, Digi Telecommunications Sdn Bhd, Wisma N2N, Level 1, Tower 2, Avenue 3, No. 8 Jalan Kerinchi, Bangsar South 59200 Kuala Lumpur.

### Penyata Cookie

Jenis cookie	Nama cookie	Penghantar	Apa yang ia lakukan	Bagaimana ia digunakan
<p><b>Cookies Yang Diperlukan.</b> Cookies ini adalah perlu untuk menyediakan perkhidmatan yang terdapat di laman web ini dan untuk menggunakan beberapa ciri-cirinya, seperti mengakses kawasan yang selamat. Tanpa cookies ini, anda tidak mungkin boleh melanggan perkhidmatan, seperti bakul membeli-belah dan halaman akaun pelanggan terjamin.</p>	Tidak berkaitan.	Tidak berkaitan.	Menyimpan maklumat pilihan anda untuk membolehkan kami menyediakan perkhidmatan yang relevan semasa lawatan berikut anda.	Tidak berkaitan.
<p><b>Cookies Yang Mempunyai Kefungsian</b> merekod maklumat mengenai pilihan yang anda buat dan membolehkan kami memperibadikan laman web untuk anda. Dengan cookies ini, apabila anda terus menggunakan atau apabila anda kembali menggunakan perkhidmatan kami, kami boleh menyediakan perkhidmatan seperti mana anda telah memintanya. Sebagai contoh, cookies ini membolehkan kami:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyimpan pilihan lokasi anda jika anda telah membuat tetapan lokasi pada laman utama;</li> <li>• Mengingat tetapan anda, seperti susun atur, saiz teks, pilihan, dan warna; dan</li> <li>• Menandakan bila anda telah log masuk.</li> </ul>	<i>LoginMsisdn</i>  <i>dsoUser</i>  <i>loginEmail</i>  <i>loginUserId</i>	Digi	Menyimpan maklumat pilihan anda untuk membolehkan kami menyediakan perkhidmatan yang relevan semasa lawatan berikut anda.	Tidak berkaitan.
<p><b>Cookies Analitik.</b> Cookies ini mengumpul maklumat yang digunakan sama ada dalam bentuk agregat atau untuk membantu kami memahami bagaimana laman web sedang digunakan atau keberkesanan kempen pemasaran kami, atau untuk membantu kami memperibadikan laman web untuk anda. Maklumat ini juga akan digunakan untuk tujuan menilai penggunaan anda di laman web, mengumpul laporan mengenai aktiviti laman web dan analitik lain berkaitan dengan aktiviti laman web dan penggunaan internet.</p>	<i>Google Analytics / Google Tag Manager</i>	Google	Mengukur interaksi pengguna dengan kandungan laman web.	Anda boleh mengawal penggunaan cookies ini.
<p><b>Cookies Pengiklanan.</b> Cookies ini digunakan untuk menjadikan mesej pengiklanan lebih relevan kepada anda. Ia melaksanakan fungsi seperti mencegah iklan yang sama daripada berulang, memastikan bahawa iklan dipaparkan dengan betul, dan memilih iklan berdasarkan minat anda dalam beberapa kes tertentu.</p>	<i>Facebook Conversion and Remarketing Tracking</i>  <i>Google Adwords Conversion and Remarketing Tracking</i>  <i>Comscore Scorecard</i>	Facebook  Google  Comscore	Mengesakan layaran web, tanggapan pengiklanan, emel, penukaran jualan dan aktiviti lain pada web.	Anda boleh mengawal penggunaan cookies ini.